



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
24 November 2022**

### **PNB LANCAR ASN SUKUK**

*Dana unit amanah baharu menawarkan pelaburan alternatif yang stabil kepada para pelabur*

**KUALA LUMPUR, 24 November 2022** – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini melancarkan dana unit amanah pendapatan tetap, ASN Sukuk. Dana harga berubah baharu ini memberi tumpuan kepada pelaburan dalam pelbagai portfolio Sukuk (instrumen pendapatan Islam) yang mana 80% sehingga 99% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dana tertumpu kepada aset kelas tersebut, termasuk Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII).

Langkah memperkenalkan dana Sukuk pertama ini adalah sejajar dengan usaha Kumpulan PNB dalam memperluaskan rangkaian penawaran produknya bagi memenuhi keperluan pelabur Malaysia, khususnya mereka yang tidak mahu mengambil risiko dan ingin memperoleh pendapatan mampan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang. Dengan pelancaran unit amanah ini iaitu tambahan kepada unit-unit amanah sedia ada, ASNB kini menawarkan pelbagai produk yang terdiri daripada dana harga tetap, dana ekuiti, aset campuran terimbang dan dana konservatif, dan terkini dana pendapatan tetap.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Muzzaffar Othman, berkata, “Berlatarkan persekitaran pasaran yang mencabar, pelancaran ASN Sukuk adalah satu lagi usaha ASNB dalam membina portfolio pelaburan berdaya tahan dan meneroka peluang-peluang yang ada. ASN Sukuk membolehkan pemegang unit kami melengkapkan dan mempelbagaikan portfolio pelaburan sedia ada mereka dalam ASNB untuk membina portfolio yang lebih seimbang.”

. ASN Sukuk akan mengambil manfaat daripada persekitaran kadar faedah yang semakin meningkat sebagai titik permulaan yang menarik untuk mengumpul Sukuk/instrumen pendapatan bagi menjana potensi pulangan masa hadapan. Dalam suasana pasaran global yang dijangka kekal tidak menentu pada tahun 2023, aset pendapatan tetap adalah satu tawaran nilai yang menarik untuk pelabur yang mencari portfolio keseluruhan yang stabil.

Dana baharu ini mempunyai beberapa ciri dana unit amanah ASNB sedia ada yang akan menarik pelabur untuk memiliki portfolio pelaburan Sukuk. Ini termasuk pelaburan minimum RM10 dengan pelaburan tambahan serendah RM1.00.

Mulai 25 November 2022, pelabur boleh melanggan ASN Sukuk secara dalam talian di portal dan aplikasi mudah alih myASNB, perbankan internet ejen ASNB atau melalui perkhidmatan kaunter di semua cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara. Harga tawaran permulaan dana ditetapkan pada RM1.00 seunit semasa tempoh tawaran permulaan selama 21 hari sehingga 15 Disember 2022.

Sempena pelancaran dana ini, pelabur juga boleh menikmati caj jualan yang lebih rendah sebanyak 1% untuk sebarang jumlah pelaburan yang dibuat melalui perkhidmatan kaunter di cawangan dan ejen ASNB seluruh negara sehingga 31 Mac 2023. Kempen khas turut ditawarkan sepanjang Minggu Saham Amanah Malaysia 2022 (24 – 30 November 2022) iaitu tiada caj jualan untuk pelaburan RM1,000 dan ke atas untuk semua dana harga berubah ASNB, termasuk ASN Sukuk, bagi transaksi melalui portal dan aplikasi mudah alih myASNB, cawangan ASNB di seluruh negara, serta Laman ASNB @ MSAM 2022.

*-TAMAT-*

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**